

Memahami Hubungan Sivil-Tentera di Thailand dari Perspektif *Concordance*: Satu Analisis

Explaining Thailand's Civil-Military Relations from a Concordance Perspective: An Analysis

Durrah Abd Malek

¹Muhamad Nadzri Mohamed Noor

Program Sains Politik
Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mel : ¹nadzri@ukm.edu.my

ABSTRAK

Hubungan sivil-tentera Thailand sering berada dalam keadaan antagonisme dan menjadi subjek pemerhatian kerana tindakan-tindakan tidak demokratik institusi ketenteraan, terutamanya kudeta yang kerap dilakukan. Ia sedikit sebanyak menyumbang kepada pembantutan proses pendemokrasian dan polarisasi ekstrem dalam politik domestik Thailand. Namun, lanskap ini terhasil daripada kurangnya keazaman politik dan persetujuan dalam kalangan pihak-pihak berkepentingan untuk mewujudkan satu ekosistem politik domestik yang boleh memenuhi kehendak semua pihak dan membawa kepada kestabilan politik. Teori concordance yang dikembangkan oleh Rebecca Schiff tidak pernah digunakan ke atas hubungan sivil-tentera Thailand dan model ini memberikan satu alternatif yang berbeza dari teori institusi Huntington: matlamat hubungan sivil-tentera yang baik adalah kestabilan politik dan bukan demokrasi semata-mata. Melalui kajian ini, pengkaji akan mengaplikasikan model ini dan menganalisa kemungkinan sebuah hubungan sivil-tentera yang stabil dan profesional di Thailand sekiranya ia menurut prasyarat-prasyarat yang digariskan oleh teori concordance.

Kata kunci: *hubungan sivil-tentera, teori concordance, institusi ketenteraan Thailand, kudeta tentera, politik Thailand*

ABSTRACT

Civil-military relations in Thailand has always find itself in an antagonistic situation and has been the subject of much observation and study due to its military's undemocratic actions, especially frequent military coups. These frequent undemocratic actions has contributed to interruptions of Thailand's democratisation process and enabled extreme political polarisation within the community. However, this current landscape is a result of a lack of political will and agreement among important stakeholders to create a healthy, stable domestic politics that ensures all stakeholders are satisfied and represented in their needs and demands. The theory of concordance developed by Rebecca Schiff has never been applied in the context of Thailand's civil-military relations and its model provides an alternative that differs from Huntington's institutional theory: that the end goal of good civil-military relations is political stability and not necessarily democracy itself. Through this research, we will apply the alternative model and analyse how it may predict the possibility of a cordial and professional civil-military relations in Thailand if all conditions and indicators required by the theory are fulfilled.

Keywords: *civil-military relations, concordance theory, Thai military, military coups, Thai politics*

1. Pengenalan

Kajian hubungan sivil-tentera adalah sebuah kajian yang bersifat inter-disiplin dalam pengajian sains sosial dan adalah antara bidang kajian yang mempunyai tradisi klasik serta kontemporari. Fokus utama perbincangan adalah mengenai hubungan sivil, termasuklah elit politik, dengan institusi ketenteraan di dalam sesebuah negara. Kajian ini sering dijalankan seiring dengan kajian proses pendemokrasian, partisipasi sivil dan polisi-polisi berkaitan pertahanan negara. Kajian hubungan sivil-tentera mempunyai tradisi yang boleh dikesan semula melalui karya *Vom Kriege (On War)* oleh Claude von Clausewitz yang memerihalkan teori peperangan dan perkaitan setiap keputusan terhadap hasil akhir peperangan. Ia juga bersifat falsafah kerana ia merupakan karya yang turut mengaitkan peperangan dengan isu sosio-politik (Graham 1874).

Peningkatan kajian gelombang moden dan kontemporari yang berfokus pada hubungan sivil-tentera di Amerika Syarikat banyak dikaitkan dengan konteks hubungan antarabangsa dan politik yang wujud pasca-Perang Dunia Kedua dan dalam konteks Perang Dingin (Owens 2017). Antara penerbitan kritikal pasca-Clausewitz adalah *The Garrison State* oleh Harold Lasswell (1941). Lasswell adalah antara yang terawal memerihalkan kewujudan sebuah negara yang dipimpin elit tentera. Begitu juga dengan penerbitan *The Man on Horseback* oleh Samuel Finer (1962) yang membahaskan kedudukan institusi tentera dan peranannya dalam politik domestik. Walau bagaimanapun, perkembangan teori hubungan sivil-tentera moden hanya berlaku pasca-Perang Dunia Kedua apabila berlaku ketidakstabilan dalam banyak negara pasca-kolonial dan rejim junta tentera menjadi semakin biasa di seluruh dunia.

Perkembangan teori hubungan sivil-tentera moden dapat dilihat melalui penerbitan tiga teori utama iaitu teori institusi oleh Samuel Huntington (1957), teori penumpuan oleh Morris Janowitz (1971) dan teori agensi berserta paradoks *problematique* oleh Peter Feaver (1996, 2003). Persamaan yang ada ketiga-tiga teori ini adalah fokusnya kepada kewujudan atau adanya profesionalisme tentera dan perlunya sedikit sebanyak wujud pengasingan penuh atau separa antara dunia sivil dan dunia ketenteraan bagi mengelakkan berlakunya ketegangan antara masyarakat dan institusi tersebut dan bagi menjamin tidak akan berlaku kudeta serta meletakkan demokrasi sebagai situasi politik yang ingin dicapai. Hal ini berbeza dengan teori *concordance* yang diperkenalkan oleh Rebecca Schiff pada tahun 1995 di mana fokus teori tersebut bukanlah kepada pengasingan penuh antara dua ruang tersebut, tetapi kepada faktor-faktor budaya dan hierarki tempatan yang boleh mempengaruhi pembentukan hubungan sivil-tentera di sesuatu negara. Schiff juga turut menyatakan bahawa dalam memahami sesuatu keadaan dalam konteksnya, ia bermaksud bahawa matlamat akhir hubungan sivil-tentera teori *concordance* bukanlah pengasingan penuh atau demokrasi tetapi keadaan yang stabil antara semua pihak-pihak berkepentingan dalam hubungan sivil-tentera dan bentuk rejim politik yang terhasil dari itu tidak semestinya bersifat demokratik berdasarkan keadaan tempatan.

Namun, teori ini tidak diaplikasikan dengan begitu meluas. Sehubungan dengan itu, kajian kes yang menggunakan teori *concordance* sebagai kerangka teoretikal utama adalah terhad. Schiff (2009) sendiri hanya pernah menggunakan teorinya dalam konteks Israel, Pakistan, India dan Argentina, manakala sarjana lain pula melakukan kajian menggunakan kerangka teoretikal ini dalam konteks negara-negara seperti Bangladesh (Rashed & Biswas 2014), Ghana (Salihu 2019), Indonesia (Agussalim 2015), Fiji (Teaiwa & Nicole 2016) dan Turki (Nilufer 2011). Oleh itu, rantau Asia Tenggara, terutamanya Thailand juga secara amnya merupakan kawasan yang mempunyai kajian semasa yang terhad menggunakan kerangka teori *concordance*. Sekaligus, ia memberikan ruang untuk kajian yang lebih komprehensif terhadap hubungan sivil-tentera dalam kerangka teoretikal ini sebagai fokus utama. Rasional kajian ini adalah untuk menambah nilai pada kajian-kajian semasa selain memberi ruang untuk memahami penggunaan teori *concordance* dalam konteks Thailand dan keberkasannya, secara teoretikal, untuk menyelesaikan isu hubungan sivil-tentera negara

tersebut yang tegang dan antagonistik.

2. Sorotan Literatur

2.1 Teori Terdahulu

Hubungan sivil-tentera moden terawal dapat dikesan dalam karya *The Garrison State* oleh Harold Lasswell pada 1941. Lasswell meramalkan sebuah masyarakat baharu di dunia. Ditermakan “*garrison state*” atau negara ketenteraan, Lasswell mencadangkan bahawa konstruk pembangunan masyarakat pada ketika itu bergerak ke arah penerimaan sebuah kumpulan baharu dalam masyarakat sebagai kumpulan berkuasa. Perkembangan ini diikuti pula oleh penerbitan Samuel Huntington (1957) yang memperkenalkan teori yang kini dikenali sebagai teori institusi. Melalui teori tersebut, Huntington menyatakan bahawa institusi ketenteraan perlu diasingkan dari institusi sivil dan dunia politik. Huntington berhujah terdapat tiga pemboleh ubah yang mempengaruhi hubungan sivil-tentera di Amerika Syarikat: (1) ancaman luar; (2) perlembagaan negara; dan (3) ideologi anti-ketenteraan liberal Amerika. Dalam usaha untuk melindungi sivil dari keganasan institusi ketenteraan tetapi juga tanpa mengorbankan kemampuan institusi tersebut untuk melindungi politi semasa berlakunya ancaman luar yang tinggi, Huntington menggalakkan profesionalisme ketenteraan dan kawalan objektif sivil ke atas ketenteraan.

Morris Janowitz pula menekankan kepada sifat profesional institusi ketenteraan melalui teori penumpuan (*convergence theory*). Namun, profesionalisme bukanlah institusi ketenteraan yang langsung tidak terlibat dengan politik. Sebaliknya, Janowitz menyatakan bahawa profesionalisme ketenteraan adalah institusi yang cakna tentang situasi politik semasa dan mampu menjalankan fungsi-fungsi yang hampir sama dengan institusi sivil. Samuel Finer (2002) dalam terbitan asal pada tahun 1962 tidak menerima teori institusi, sebaliknya Finer menyatakan bahawa institusi ketenteraan boleh menjadi kerajaan berdasarkan analisis kekuatan dan kekurangan institusi tersebut serta kecenderungannya untuk campur tangan dalam politik. Finer menyatakan bahawa persoalan kritikal dalam hubungan sivil-tentera bukanlah mengapa institusi ketenteraan ingin terlibat di dalam politik tetapi mengapa institusi tersebut merasakan dirinya tidak perlu terlibat sedangkan ia mempunyai kemampuan.

Feaver (1996; 2003) memperkenalkan teori agensi yang menolak konsep ‘profesionalisme ketenteraan’ dan membahaskan kelemahan teori institusi. Feaver menyatakan bahawa persoalan utama yang perlu diselesaikan teori sivil-tentera adalah berdasarkan paradoks permasalahan (*problematique*) iaitu bagaimana caranya untuk mengimbangi keperluan sesuatu negara (*polity*) untuk dilindungi dari ancaman luar dengan memberikan kuasa kepada institusi ketenteraan dan juga keperluan negara yang sama untuk melindungi dirinya daripada menjadi mangsa tindakan keganasan atau pemaksaan oleh institusi ketenteraan yang ia sendiri wujudkan untuk melindungi negara.

Duncan McCargo (2005) menggunakan terma ‘*network monarchy*’ untuk menggambarkan hubungan rapat antara institusi monarki dengan proksi-proksinya di dalam institusi sivil Thailand dalam satu bentuk politik yang dikenali sebagai *palace-based politics*. Kajian ini signifikan dalam menggariskan impak institusi ketenteraan ke atas proses-proses demokratik di dalam institusi sivil. Paul Chambers (2010) memerihalkan kebangkitan semula institusi ketenteraan dalam politik Thailand pasca-kudeta 2006 dan mempersetujui bahawa wujud ‘*network monarchy*’ yang terus menjadi alat untuk mengabsahkan sesuatu pimpinan atau menarik semula kebasahan melalui kudeta yang akan dibiarkan atau disokong secara diam oleh institusi monarki. Pendapat ini turut dikongsi oleh Thongchai Winichakul (2008) yang menganggap bahawa hubungan sivil-tentera Thailand tidak boleh dilihat dari perspektif yang tidak menilai hubungan rapat antara institusi ketenteraan dan institusi monarki.

Chris Baker (2016) menyatakan bahawa kudeta 2006 dan kudeta 2014 yang dilancarkan di Thailand adalah ‘kudeta kembar’ kerana ia dilancarkan oleh puak yang sama. Namun, kudeta 2006 menggunakan model tradisional di mana kudeta dilancarkan untuk

mengetepikan atau menurunkan dari tampuk kepemimpinan seorang pemimpin yang dianggap korup manakala kudeta 2014 pula melihat model yang lebih radikal di mana kudeta tersebut dilancarkan untuk membawa Thailand ke arah trajektori politik domestik yang lebih konservatif dan pro-monarki, selain mewujudkan semula kerajaan junta tentera yang kuat. Paul Chambers (2020) turut menyatakan bahawa kudeta 2014 telah sedikit sebanyak memperkukuhkan lagi kedudukan institusi ketenteraan dalam ruang politik domestik Thailand, dan didorong oleh faktor-faktor tertentu termasuk keabsahan dan pemberian bantuan kewangan kepada kerajaan junta dalam kalangan negara-negara dunia, sekaligus melemahkan demokrasi Thailand.

2.2 Kerangka Teoretikal

Pemilihan teori *concordance* sebagai kerangka teoretikal adalah kerana keinginan pengkaji untuk menyesuaikan sebuah teori yang kurang dibahas dalam konteks Thailand. Rasional pemilihan teori ini adalah kerana ia dibina dengan sudut pandang inklusif dan bukan Euro-sentrik, maka secara hipotesis, ia boleh memahami keperluan tempatan negara kajian dan faktor-faktor sejarah dan politik yang unik. Menggunakan teori ini, dinamik dan permasalahan hubungan sivil-tentera di Thailand akan dikupas dengan lebih kritikal dan sensitif kepada realiti politik negara kajian.

Teori *concordance* yang diperkenalkan pada 1995 oleh Rebecca Schiff meletakkan tiga kumpulan sebagai pihak berkepentingan utama teori ini iaitu institusi ketenteraan, elit politik dan masyarakat sivil. Empat indikator utama yang dicadangkan oleh Schiff ini meminjam daripada tradisi terdahulu seperti teori institusi (Huntington 1957) dan teori penumpuan (Janowitz 1971) dan juga melihat kepada hujahan-hujahan terdahulu oleh Finer (2002) dan Lasswell (1941). Namun, ada juga indikator baharu yang diperkenalkan oleh Schiff sendiri untuk teori ini.

Indikator pertama adalah komposisi kor tentera. Indikator ini meletakkan hipotesis bahawa komposisi kor tentera setiap negara adalah unik kepada budaya dan pengalaman sesebuah negara. Oleh itu, pembentukan kor tentera dapat dilihat dari perspektif kepelbagaian latar belakang, kaum, agama, kelas dan kasta yang mewakili kepelbagaian sesuatu negara. Namun, sama ada kor tentera sesebuah negara adalah pelbagai atau tidak pelbagai bukan satu masalah selagi masyarakat dan elit politik menerima status quo itu. Status quo dan penerimaan pula dipengaruhi oleh pengalaman dan sejarah sesebuah negara. Indikator kedua pula ialah proses pembuatan keputusan. Dalam konteks ini, proses pembuatan keputusan merujuk kepada siapa yang berhak untuk menentukan keperluan, bajet, saiz, struktur dan lain-lain perkara berkait sesebuah institusi ketenteraan. Berdasarkan interaksi dan hubungan antara tentera dengan masyarakat dan antara tentera dengan kerajaan, peranan institusi ketenteraan di dalam proses ini boleh dihadkan atau dilebihkan.

Indikator ketiga ialah kaedah pengkaderan sesebuah institusi ketenteraan. Schiff berhujah bahawa hal ini adalah sangat penting dan bergantung kepada jenis pengkaderan, ia mempengaruhi hubungan masyarakat dengan institusi ketenteraan. Pengkaderan yang bersifat memaksa dan kerahan wajib memasuki tentera tidak akan mampu mewujudkan kebersamaan (*concordance*) kerana ia memaksa rakyat untuk memberikan kerjasama secara paksa. Indikator keempat bagi teori *concordance* ialah gaya ketenteraan. Indikator baharu ini ditambah oleh Schiff kerana ia merupakan aspek kritikal di mana cara sebuah institusi ketenteraan memperlihatkan dirinya kepada masyarakat biasa menjadi titik penting yang mengasingkan insituti tersebut dari rakyat biasa atau menghapuskan sempadan halimunan (*invisible barrier*) antara institusi tersebut dengan rakyat biasa.

Berdasarkan indikator-indikator ini, sebuah model alternatif hubungan sivil-tentera di Thailand boleh dibahas dan dianalisa untuk menjadi ubat kepada permasalahan politik yang sering dihadapi oleh negara tersebut. Penggunaan indikator-indikator ini yang bersifat menyeluruh juga boleh menjadi satu penilaian yang berharga untuk tujuan kajian pada masa akan datang

3. Metodologi Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dan akan berfokuskan kepada pengaplikasian kerangka teoretikal yang telah dikenalpasti sebagai bersesuaian dengan tujuan kajian ini. Analisis kajian ini akan dilakukan secara kritikal dan komprehensif berdasarkan kerangka tersebut. Pengkaji akan menggunakan sumber-sumber sekunder seperti jurnal-jurnal akademik, buku-buku kajian berilmiah, dokumen-dokumen kerajaan dan berita-berita atas talian dalam mengumpul maklumat untuk kajian ini.

4. Dapatan dan Perbincangan

4.1 Komposisi Kor Tentera

Dalam konteks yang lebih tradisional, komposisi kor tentera Tentera Diraja Thailand (*Royal Thai Armed Forces - RTAF*) dipengaruhi oleh faktor hubungan peribadi, hubungan semasa zaman pembelajaran di sekolah-sekolah kadet dan semangat berpuak. Namun begitu, wujud juga aspek kelas (*classism*) dan elitisme dalam komposisi kor tentera Thailand. Seperti yang dinotakan sendiri oleh Battye (1974) dalam sebuah kajian yang mendalam, institusi ketenteraan Thailand diwujudkan sendiri oleh Raja Chulalongkorn atas dasar minatnya dalam bidang tersebut dan sebagai persediaan menghadapi imperialisme Barat yang semakin mendominasi Asia Tenggara pada ketika itu. Melihat kepada era masyarakat tradisionalketika itu, tidak wujud lagi idea mahupun konsep masyarakat sivil, oleh itu mereka bukanlah golongan pemegang taruh yang signifikan dalam memberikan kebenaran (*consent*) atau persetujuan mengenai komposisi kor tentera. Dua pemegang taruh paling penting ketika itu adalah elit politik yang terdiri dari golongan bangsawan dan diraja serta golongan tentera sendiri.

Berdasarkan keadaan itu, dalam konteks tradisional, ia diterima bahawa golongan diraja dan bangsawan mendominasi kepimpinan tertinggi kor tentera Thailand pada ketika itu, terutamanya kerana mereka juga mendapat akses kepada pendidikan elit dari pegawai-pegawai ketenteraan Barat dan Thai untuk menjadi askar dan birokrat (Bumroongsook 1991; Battye 1974). Baker & Phongpaichit (2014) menyatakan bahawa elitisme ini secara amnya diterima, dan hal ini adalah perlu disesuaikan dengan kewujudan masyarakat feodal pada ketika itu, di mana bekerja dalam institusi ketenteraan bukanlah karier yang diminati ramai dan hanyalah satu bentuk tanggungjawab kepada raja dan kerajaan. Walau bagaimanapun, pembentukan sebuah kumpulan tentera sukarela yang bergaji pada tahun 1881 telah membuka langkah ke arah profesionalisme tentera sebagai satu pilihan karier selain memberikan akses kepada golongan bawahan untuk terlibat dalam ketenteraan Thailand (Battye 1976). *Chulachumklao Royal Military Academy* yang asalnya diwujudkan untuk anak-anak elit dan merupakan akademi tentera paling signifikan mula menerima anak-anak golongan biasa sebagai rekrut bermula 1898, dan hal ini sedikit sebanyak mengubah dinamik komposisi kor tentera Thailand (Bumroongsook 1991; Sudhamani 1978).

Menjelang 1930-an hal ini dapat dilihat berlakunya kudeta kerana tiada lagi konsensus persetujuan dengan komposisi kor tentera Thailand. Anak-anak golongan biasa yang mendapat pendidikan ketenteraan tidak lagi menerima bahawa kepimpinan tertinggi institusi ketenteraan Thailand perlu didominasi oleh

anak-anak golongan elit bangsawan dan diraja. Ini adalah salah satu daripada dua faktor yang dipetik Ockey (2001) sebagai punca berlakunya Revolusi 1932 yang menamatkan pemerintahan beraja mutlak di Thailand dan melahirkan elit-elit baharu dalam golongan rakyat biasa yang terlibat dalam institusi ketenteraan Thailand. Perubahan ini telah membawa kepada keterhubungan antara golongan diraja sebagai kumpulan elit politik dengan institusi ketenteraan yang simbiotik dan saling menyokong, selain telah memberi ruang kepada lahirnya pemimpin-pemimpin politik dari kalangan tentera sendiri yang memerintah Thailand dalam era-era kritikal seperti Fil Marsyal Plaek Phibulsongkram dan Fil Marsyal Sarit Thanarat.

Namun, hal ini hari ini telah membawa kepada Thailand menjadi salah satu institusi ketenteraan dengan jumlah jeneral dan panglima terbanyak untuk saiz yang sederhana iaitu sebanyak 1400 orang jeneral dan panglima untuk 350,000 tentera dari semua cabang institusi ketenteraan (The Cove 2021). Perkara ini telah menjadi titik pertikaian antara institusi ketenteraan, elit politik dan masyarakat sivil yang mengkritik jumlah jeneral dan panglima serta kos gaji mereka yang tinggi dan perlu ditanggung negara. Chambers (2021) dalam satu laporan khas menyatakan bahawa elit politik dan masyarakat sivil berusaha untuk membawa agenda reformasi ketenteraan bagi mengubah komposisi kor tentera Thailand, bukan sahaja dari segi jumlah pemimpin tertinggi, tetapi turut memperkenalkan kenaikan pangkat berdasarkan merit dan bukannya budaya puak, hubungan peribadi dan *old boys tie* tentera- tentera yang berasal dari akademi dan kelas yang sama.

Namun, seperti dilihat setakat 2021, walaupun elit politik dan masyarakat sivil tidak mempersetujui cara institusi ketenteraan dikomposisi dari segi kepimpinan, pihak tentera sendiri masih meneruskan budaya kenaikan pangkat berdasarkan hubungan peribadi, seperti pelantikan Jeneral Fuengwit Laohasurayothin sebagai Pengarah Bahagian Kebajikan Tentera dan juga merupakan rakan sekelas kepada Komander Tentera Jeneral Narongphan Jitkaewthae. Raja Vajiralongkorn juga dianggap membuat satu puak baharu yang berada di bawah negaruhnya dan berada dalam kepimpinan tertinggi kor tentera, iaitu dengan menarik jeneral-jeneral dari puak *Wongthewan (Royal Progeny - 1st Division)* dan puak *Burapha Phayak (Queen's Guard - 2nd Division)* (Chambers 2021).

Usaha untuk mengubah komposisi kor tentera dari segi cara kenaikan pangkat, fokus yang lebih kepada merit atau mengubah dinamika, seperti yang cuba dibuat oleh bekas Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra dalam tindakan yang dikenali sebagai *Thaksinization* telah membawa kepada ketengangan hubungan yang akhirnya berakhir dengan kudeta yang menamatkan terma kepimpinan Thaksin. Walaupun boleh diujahkan bahawa tindakan Thaksin menggantikan pemimpin-pemimpin tertinggi tentera dengan ahli- ahli keluarga dan kroninya juga bukan amalan yang sihat, namun ia adalah satu pembuktian bahawa apabila institusi ketenteraan terasa seakan-akan haknya untuk membuat pilihan bagi komposisi kor tentera dalam bahagian kepimpinan tertinggi dicabar oleh elit politik atau masyarakat sivil, ia akan memberi reaksi yang signifikan dan menjadi punca kepada kudeta politik dilancarkan.

4.2 Proses Pembuatan Keputusan

Sejak 1932, masyarakat sivil dan institusi ketenteraan sentiasa berada dalam hubungan yang tegang. Sudhamani (1978) menyatakan bahawa kudeta 1932 itu telah melahirkan satu era pemerintahan tentera dan identiti tentera bukan sahaja dalam menjalankan tugas hakiki mereka tetapi juga sebagai aktor politik, seperti dapat dilihat dalam pemerintahan Fil Marsyal Plaek Phibusonggram dan Fil Marsyal Sarit Thanarat. Oleh itu, dominasi institusi ketentera dalam ruang politik domestik politik Thailand sudah lama tertanam dan oleh kerana itu, apabila kita membincangkan proses pembuatan keputusan melibatkan bajet, saiz dan polisi keselamatan negara, adalah tidak salah untuk dinyatakan bahawa ia sentiasa menjadi domain pihak tentera. Sudhamani (1978: 280) menunjukkan bahawa antara 1934 sehingga 1957, jumlah tentera dalam Kabinet Thailand adalah lebih dari 50% dengan 1952 merekod penglibatan sebanyak 75%. Oleh kerana sejarah politik modennya yang unik, maka elit politik dan institusi tentera di Thailand sehingga 1991, paling kurangnya, adalah dianggotai oleh orang-orang yang sama kecuali ketika adanya kepimpinan demokratik sementara pada pertengahan 1970-an.

Sehubungan dengan itu, masyarakat sivil yang wujud sekitar 1960-an dan seterusnya, seperti yang dinyatakan Croissant & Lorenz (2018) adalah tidak begitu kuat untuk menahan kebangkitan institusi ketenteraan dalam pembuatan keputusan. Masyarakat Thailand juga, berdasarkan kajian, tidak memahami apa itu demokrasi yang ia inginkan, dengan menunjukkan ciri-ciri autokratik dalam menyokong demokrasi atau demokrasi dengan ciri-ciri autokratik. Walaupun berlakunya transisi ke arah pemerintahan demokratik pasca-1991 (insiden *Black May*), adalah tidak boleh diabaikan pengaruh pihak tentera dalam mempengaruhi polisi-polisi yang melibatkan institusi tersebut. Hal melibatkan jumlah bajet yang diperuntukkan kepada pihak tentera adalah satu aspek yang sukar untuk dirunding antara tiga pemegang taruh dan kerana ia merupakan satu hal yang penting bagi institusi ketenteraan Thailand. Terdapat usaha untuk mengurangkan bajet ketenteraan yang dicadangkan pada tahun 2021 (Chambers 2021) oleh elit-elit politik seperti *Future Forward Party* dan *Democratic Party* dalam usaha untuk menggerakkan kewangan negara ke arah kebajikan rakyat. Laporan JANES (Grevatt & MacDonald 2022) menunjukkan bahawa bajet ketenteraan Thailand dikurangkan sebanyak 3% akibat situasi semasa ekonomi negara tersebut, namun ia masih tidak mengubah bahawa bajet untuk aktiviti ketenteraan kekal tinggi, iaitu secara puratanya bernilai lebih 7 bilion USD setiap tahun atau bersamaan dengan 1% daripada bajet (International Trade Administration 2021).

Pengurangan bajet dan jumlah tentera dalam institusi ketenteraan Thailand menjadi titik perbincangan bagi elit politik dan masyarakat sivil yang cuba untuk mempunyai kawalan objektif sivil ke atas institusi tersebut. Namun, ia sukar untuk dicapai dan kekal menjadi satu hal yang sukar untuk dipersetujui kesemua pihak. Elit politik dari parti bukan pro-tentera pernah menolak bajet yang tinggi dan mempersoalkannya, namun ia akan dipertahankan oleh pihak tentera, seperti Perdana Menteri Prayuth Chan Ocha yang menyatakan bahawa bajet yang diberikan kepada institusi ketenteraan adalah 'perlu' dan bukanlah salah, malah tidak bersifat 'pilih bulu'. Sebaliknya, ia dianggap sebagai perbelanjaan yang penting untuk negara (Bangkok Post 2021). Chambers (2010) menyatakan kudeta 2006 telah membuka ruang kepada dominasi institusi ketenteraan dalam proses

pembuatan keputusan dan mengetepikan elit politik dan masyarakat sivil, hal ini termasuk hak pelantikan jawatan tertinggi dan bajet tahunan institusi tersebut. Walaupun ia menerima kritikan dari dua lagi pemegang taruh tersebut, ia sukar untuk dikawal kerana penderafan semula Perlembagaan Thailand pada tahun 2007 yang telah memberikan hak-hak ini kepada institusi ketenteraan negara tersebut. Sekaligus, proses pembuatan keputusan melibatkan institusi ketenteraan terus didominasi oleh pihak tentera walaupun tidak dipersetujui atau kurang disenangi pemegang taruh yang lain.

4.3 Kaedah Pengkaderan

Pengkaderan tentera yang dijalankan di tentera berlaku dalam dua cara, iaitu yang pertama pengkaderan sukarela dan yang kedua adalah melalui kerahan tentera melalui loteri. Bagi cara pengkaderan yang pertama, ia cuba digunakan sejak era Raja Chulalongkorn lagi, iaitu bermula 1881 seperti yang dikaji Batty (1974) dan Bumroongsook (1991). Namun, dalam konteks era moden institusi ketenteraan, pengkaderan dijalankan melalui pengkaderan sukarela yang dibuka setiap tahun untuk lelaki berusia 21 tahun ke atas dan bagi mereka yang tidak memilih untuk terlibat secara sukarela, mereka perlu menghadirkan diri ke sesi loteri. Melalui loteri, sekiranya seseorang mendapat kad hitam, maka ia adalah dikecualikan dari perkhidmatan tentera dan sekiranya seseorang mendapat kad merah, maka ia perlu berkhidmat selama dua tahun dalam salah satu cabang institusi ketenteraan (Quinley 2019).

Namun, rasional untuk mengekalkan sistem perkhidmatan ketenteraan di Thailand telah menjadi satu lagi hal yang tidak dapat dipersetujui oleh pemegang taruh di negara tersebut. Bagi institusi ketenteraan, ia dilihat sebagai satu tindakan yang perlu terus dikekalkan demi menggalakkan disiplin dalam kalangan anak-anak muda selain menegakkan tiang identiti Thai, iaitu negara, agama dan monarki. Namun, wujud elit-elit politik dan pihak masyarakat sivil yang menolak tradisi ini atas justifikasi bahawa Thailand bukanlah sebuah negara yang sedang berperang atau menghadapi ancaman luaran serius yang memerlukan institusi ketenteraan yang begitu besar (Quinley 2019). Selain itu, sebuah laporan oleh Amnesty International pada 2020 telah mengetengahkan masalah penderaan fizikal dan seksual serta penyalahgunaan kuasa oleh pegawai tentera terhadap anak-anak muda yang diterima melalui sistem pengkerahan tentera setiap tahun. Hal ini terus menjadi isu yang tidak dapat menjumpai jalan tengah dan kaedah pengkaderan secara kerahan masih dilakukan setiap tahun dengan lebih 100,000 orang yang layak dikerah ke dalam tentera Thailand dua tahun sekali iaitu pada April dan Oktober setiap tahun. Usaha untuk mereformasikan institusi ketenteraan dengan menamatkan pengkerahan askar baharu setakat 2021 tidak berjaya. Hal ini mungkin boleh dikaitkan semula dengan dominasi tentera ke atas hal-hal melibatkan institusi tersebut dan dominasi mereka dalam ruang politik Thailand pasca-kudeta 2014. Oleh itu, adalah sukar untuk mengubah trajektori ini dan walaupun teknik pengkaderan ini tidak dipersetujui lagi. Ia cuba diusulkan di peringkat legislatif Thailand dalam membentuk institusi ketenteraan Thailand ke arah yang lebih profesional dan sukarela, namun seperti yang dilaporkan, ia masih terus menjadi cabaran bagi Thailand kerana keengganan pihak tentera sendiri untuk menerima reformasi sektor ketenteraan yang dicadangkan oleh masyarakat sivil dan golongan elit politik bukan pro-tentera (Chambers 2021).

4.4 Gaya Ketenteraan

Gaya ketenteraan di Thailand berkait rapat dengan identiti institusi tersebut serta persepsinya mengenai kedudukan institusi tersebut dan peranan yang perlu ia mainkan untuk Thailand. Oleh itu, gaya ketenteraan di Thailand boleh dilihat melalui kecairan identiti (*fluid identity*) dalam mencipta semula institusi tersebut agar ia terus relevan dan sifat berpuak-puak di dalam institusi tersebut (*intramilitary factionalism*) yang menyumbang kepada persaingan. Pertama sekali, bagi institusi ketenteraan di Thailand, faktor yang paling signifikan dalam pembentukan gaya dan identitinya adalah keperluannya untuk kekal relevan melalui penglibatan dalam ekonomi, sosio-ekonomi dan politik domestik di Thailand sesuai dengan kedudukannya sebagai satu kumpulan elit baharu pasca-Revolusi 1932. Etos yang menjadi pendorong kepada keperluan tersebut dapat dilihat semula kepada konsep nasionalisme Thailand yang digagas oleh institusi ketenteraan Thailand dan diperkenalkan oleh Fil Marsyal Plaek Phibulsongkram pada 1948 iaitu: negara, agama (Buddha) dan monarki (Pawakapan 2021: 12).

Dominasi aktor-aktor ketenteraan dalam politik domestik Thailand ini telah memberi ruang kepada institusi ketenteraan Thailand untuk mencipta semula identitinya relatif atau bersesuaian dengan keperluan semasa. Hal ini juga telah membawa kepada satu landskap yang subur untuk berlakunya penginstitusian kudeta sebagai satu alat untuk pengukuhan kuasa dengan mengimbangi kuasa ketenteraan dan penglibatan institusi demokratik (untuk tempoh sementara) sebelum melakukan kudeta sekali lagi untuk ‘ancaman-ancaman’ yang ia rasakan wujud dalam kepimpinan demokratik (Samudavanija & Paribatra 1993: 125). Kebanyakan sarjana mempersetujui bahawa identiti utama yang boleh dianggap teras atau *core* kepada ketenteraan Thailand adalah idea bahawa ia adalah pelindung negara Thailand dan pembela nilai-nilai demokratik - walaupun secara logiknya kewujudannya sebagai satu institusi dan tindakan-tindakannya itu sendiri adalah tidak demokratik (Pavin 2011: 47; Pawakapan 2021: 6; Ockey 2001: 190; Sirivunnabood & Ricks 2016: 27).

Penglibatan ketenteraan Thailand adalah menggunakan kuasa keras (*hard power*) dan kuasa lunak (*soft power*) melalui bahagian hal ehwal sivil institusi tersebut atau *kitchakan phonlareun khong thahan* (Pawakapan 2021: 7; 13). Kecairan identiti institusi ketenteraan di Thailand memberikan ia ruang dan peluang untuk terus menjadi komponen utama politik domestik Thailand dan memampukan ia untuk membina imej, propaganda dan pembawakan yang boleh menarik minat bukan sahaja golongan rakyat biasa, terutamanya golongan luar bandar dan elit-elit konservatif, tetapi juga relatif kepada hubungannya dengan institusimonarki: kerelevanan institusi ketenteraan adalah satu hal yang perlu untuk ia terus menjadi pihak berkepentingan dan bermanfaat kepada monarki dan mengekalkan simbiosis mereka.

Kedua, gaya ketenteraan di Thailand mempunyai satu dimensi yang penting iaitu elemen puak-puak di dalam institusi tersebut (*intramilitary factionalism*) yang membentuk sifat-sifat ketenteraan Thailand dalam politik dan ekonomi. Hal ini banyak dikaitkan semula dengan dinamik berpuak-puak dalam institusi itu sendiri di mana sentiasa berlaku persaingan antara puak untuk menjadi yang terkuat dan berpengaruh. Ini bermakna tidak ada satu jeneral yang mampu berdiri sendiri seiring dengan tiadanya satu pengalaman kolonial seperti perang pembebasan yang

boleh mewujudkan perasaan nasionalis terhadap institusi tersebut. Faktor yang turut mempengaruhi hal ini adalah juga faktor monarki yang, walaupun kelihatan bersifat tidak berpolitik (*apolitical*), ia sebenarnya ‘pilih bulu’ bagi pemimpin ketenteraan yang ia sukai. Jeneral-jeneral yang pernah melancarkan kudeta atau menjadi Perdana Menteri Thailand selalunya berasal dari puak yang paling berpengaruh dalam institusi tersebut. Hubungan antara ahli-ahli dalam setiap puak dan dominasi sesetengah puak dalam kepimpinan institusi tersebut dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti hubungan peribadi yang rapat, sosialisasi dalam akademi ketenteraan, penglibatan dalam cabang ketenteraan (tentera darat, tentera udara, tentera maritim), hubungan persahabatan yang setia (*old boys ties*) dan kepentingan bersama (Croissant 2013: 158; Samudavanija & Paribatra 1993: 126). Ini membawa kepada satu pergelutan kuasa dalaman yang mempengaruhi kepimpinan dalam institusi tersebut dan terlancarnya kudeta antara satu puak ke atas puak yang lain sebelum era demokratik stabil (1976-1991) demi persaingan untuk kuasa politik.

Namun, ini tidak bermakna tentera Thailand tidak memperayai konsep profesionalisme tentera. Pada faktanya, kebanyakannya mereka menerima pendidikan Barat dari West Point Academy dan memahami konsep profesionalisme tentera yang dibawa oleh pemikir seperti Huntington. Pemboleh ubah yang paling kritikal di sini adalah konsep tanggungjawab dalam tentera Thailand: tanggungjawab kepada negara dan rakyat. Oleh itu, Sirivunnabood & Ricks (2016: 27) memperhatikan bahawa tentera-tentera Thailand percaya bahawa mereka perlu bersifat neutral (*apolitical*) namun apabila wujudnya ancaman kepada negara dan rakyat, mereka perlu melakukan sesuatu atas dasar tanggungjawab, walaupun ia adalah satu kudeta. Ini dikaitkan semula dengan konsep monarki-nasionalisme dan idea bahawa institusi ketenteraan adalah pelindung kepada bangsa dan negara Thai yang sudah lama tertanam. Hal ini membawa kepada satu elemen yang amat penting dalam ketenteraan Thailand iaitu *esprit de corps* (Samudavanija & Paribatra 1993: 126). Semangat ini sedikit sebanyak menjadi asas kepada kesatupaduan tentera-tentera dan memberikan dimensi ‘dwifungsi’ kepada konsep tanggungjawab dan profesionalisme tentera itu tadi, seperti digariskan Sirivunnabood & Ricks (2016). Oleh itu, walaupun berlaku persaingan yang kuat antara puak, apabila berlakunya sebuah kudeta, pegawai-pegawai dan tentera-tentera di peringkat atasan mampu mempengaruhi mereka yang di bawah atas dasar kesetiaan pada organisasi dan ketaatan pada arahan kepimpinan tertinggi.

Gaya ketenteraan yang diamalkan di Thailand ini telah diletakkan sebagai punca adanya perasaan iri hati dalam kalangan askar-askar muda yang kurang hubungan dengan puak-puak tertentu demi memajukan karier mereka. Ini telah membawa kepada persoalan bahawa institusi ketenteraan Thailand tidak bersifat telus dan tidak melakukan kenaikan pangkat berdasarkan merit, tetapi berdasarkan hubungan peribadi seseorang askar dengan kepimpinan tertinggi. Perkara ini juga adalah salah satu usaha reformasi sektor tentera yang dicadangkan oleh masyarakat sivil dan elit politik, namun kerana kawalan objektif atau pengaruh dua pemegang taruh ini ke atas institusi ketenteraan adalah tidak signifikan, percubaan untuk mengubah budaya ini dalam tentera juga menemui kegagalan.

5. Rumusan

Berdasarkan pengaplikasian indikator-indikator yang menjadi aspek kritikal dalam memastikan hubungan sivil-tentera yang harmoni dan tenteram, jelas bahawa keadaan tidak aman atau *discordance* yang wujud dalam hubungan sivil-tentera Thai dipengaruhi oleh beberapa faktor. Pertama sekali, pengalaman sejarah Thailand yang unik telah melahirkan golongan pemegang taruh ketenteraan yang juga merupakan aktor politik. Hal ini melahirkan dua jenis pemegang taruh elit politik iaitu mereka yang hadir dari latar belakang ketenteraan dan mereka yang dimotivasi oleh idea-idea demokratik Barat. Ketidakteragaman ini melahirkan kecelaruan dari segi mewujudkan kesefahaman tentang apakah itu kawalan sivil ke atas tentera dan peranan serta kuasa tentera dalam menentukan perkara-perkara seperti komposisi kor tentera, proses pembuatan keputusan, kaedah pengkaderan dan gaya ketenteraan, Perbezaan pendapat mengenai bagaimana hal-hal ini perlu dilaksanakan dan ditangani menjadi satu punca kritikal sentiasa ada ketegangan antara ketiga-tiga pemegang taruh dalam mencari jalan tengah.

Kedua, masyarakat sivil di Thailand tidak cukup kuat untuk mengubah penginstitusian tindakan-tindakan tertentu oleh institusi ketenteraan seperti undang-undang atau peruntukan dalam Perlembagaan yang memberikan institusi tersebut kuasa yang besar dan mutlak terhadap perkara-perkara yang melibatkan aktiviti mereka. Boleh dikatakan bahawa tidak ad alangsurng peranan pemegang taruh lain dalam hal seperti pembelian senjata, amalan dalam institusi tentera serta kenaikan pangkat dan pelantikan dalam institusi. Walaupun masyarakat sivil dan elit politik dengan latar belakang demokratik tidak mempersetujui dan ingin mengubah dinamika ini, penginstitusian hak tentera ke atas perkara-perkara ini menyukarkan kesemua pihak untuk merundingkan hal-hal ini.

Situasi ini akan berkekalan melainkan berlakunya satu perubahan paradigma yang radikal di mana kesemua pihak berkepentingan ini mampu untuk mencari titik pertemuan dan bergerak ke arah hubungan yang harmoni. Matlamat akhir keharmonian hubungan sivil- tentera ini adalah kestabilan politik domestik memandangkan politik domestik di Thailand sering terumbang-ambing dan sukar untuk diramalkan kerana sifatnya yang tidak menentu dan dinamika antara tiga pihak berkepentingan ini yang selalunya tegang dan sabotaj antara satu sama lain.

Penghargaan

Penulisan kertas kerja ini sebahagian dibiayai oleh Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2020/SS0/UKM/02/3), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Rujukan

- Agussalim Burhanuddin. (2015). Historical and Cultural Factors in Indonesia Civil-Military Relations.
- Amnesty International. (2020). *Thailand: Military Conscripts Face Rampant Harassment, Beatings and Sexual Abuse*. Amnesty International. (<https://www.amnesty.org/en/latest/news/2020/03/thailand-military-conscripts-face-rampant-harassment-beatings-sexual-abuse/>) [14 Jun 2022]

- Baker, Chris. (2016). The 2014 Thai Coup and Some Roots of Authoritarianism. *Journal of Contemporary Asia*.
- Baker, Chris & Phongpaichit, Pasuk. (2014). *A History of Thailand*. Sydney: Cambridge University Press. Bangkok Post. 2022. *PM Defends Defence Spending*. Bangkok Post.
- Battye, Noel A. (1974). The Military, Government and Society in Siam, 1868-1910: Politics and Military Reforms During the Reign of King Chulalongkorn. Tesis Dr. Fal, Jabatan Sejarah, Cornell University. Bumroongsook, Sukunya. 1991. Chulachumkiao Royal Military Academy: The Modernization of Military Education in Thailand (1887-1948). Tesis Dr. Fal, Jabatan Sejarah, Northern Illinois University.
- Chambers, Paul. (2010). Thailand on the Brink: Resurgent Military, Eroded Democracy. *Asian Survey*. 50 (5): 835-858. California. University of California Press.
- Chambers, Paul. (2020). Arch-Royalist Autocracy Unlimited: Civil-Military Relations in Contemporary Thailand. Dlm Chosein Yamahata, Sueo Sudo & Takashi Matsugi (pnyt.). *Rights and Security in India, Myanmar and Thailand*, hlmn. 193-217. New York. Springer Publications.
- Chambers, Paul. (2021). *Perspective: Thailand's Military in 2021: Mid-Year Reshuffle, Continuing Factionalism and Rejected Reforms*. (https://www.iseas.edu.sg/wp-content/uploads/2021/03/ISEAS_Perspective_2021_56.pdf) [13 Jun 2022]
- Croissant, Aurel & Lorenz, Philip. (2018). Thailand: The Vicious Cycle of Civilian Government and Military Rule. Dlm Aurel Croissant & Philip Lorenz (pnyt.). *Comparative Politics of Southeast Asia: An Introduction to Governments and Political Regimes*, hlmn 291-330. New York. Springer Publications.
- Croissant, Aurel et al. (2013). *Democratization and Civilian Control in Asia*. New York. Palgrave Macmillan. Feaver, Peter. 1996. The Civil-Military Problematique: Huntington, Janowitz and the Question of Civilian
- Feaver, Peter. (2003). *Armed Servants: Agency, Oversight and Civil-Military Relations*. Massachusetts. The Harvard University Press.
- Finer, Samuel S. (2002). *The Man on Horseback: The Role of the Military in Politics*. Ulang Cetak. New Brunswick: Transactions Publishers.
- Graham, James John. (1874). *On War*. Terj. London: N. Trubner
- Grevatt, Jon & MacDonald, Andrew. (2022). *Thailand Proposes 2% Cut in 2023 Defence Budget*. JANES. (<https://www.janes.com/defence-news/news-detail/thailand-proposes-2-cut-in-2023-defence-budget#:~:text=Thailand%20has%20allocated%20THB197.,2022%20defence%20budget%20of%20THB201.>) [14 Jun 2022]
- Huntington, Samuel. (1957). *The Soldier and The State: The Theory and Politics of Civil- Military Relations*.
- International Trade Administration. (2021). *Defense and Security*. International Trade Administration. (<https://www.trade.gov/country-commercial-guides/thailand-defense-and-security>) [14 Jun 2022].
- Janowitz, Morris. (1971). *The Professional Soldier: A Social and Political Portrait*. Edisi ke-2. New York: The Free Press.
- Lasswell, Harold. (1941). The Garrison State. *American Journal of Sociology*. 46 (4): 455-468. Chicago. The University of Chicago Press.

- McCargo, Duncan. (2005). Network Monarchy and Legitimacy Crises in Thailand. *The Pacific Review*. 18 (4): 499-519. London. Routledge Publications.
- Nilufer, Narli. (2011). Concordance and Discordance in Turkish Civil-Military Relations, 1980- 2002. *Turkish Studies*. 12 (2): 215-225. London. Taylor & Francis Group.
- Ockey, James. (2001). Thailand: The Struggle to Redefine Civil-Military Relations. Dlm Mutthiah Alagappa (pnyt.). *Coercion and Governance: The Declining Political Role of the Military in Asia*, hlmn 187-208. California. Oxford University Press.
- Owens, Mackubin Thomas. (2017). *Civil Military Relations*. Oxford Research Encyclopedias. (Civil–Military Relations | Oxford Research Encyclopedias) [2 Julai 2021].
- Pawakapan, Puangthong. (2021). *Infiltrating Society: The Thai Military's Internal Security Affairs*. Singapore. ISEAS Publishings.
- Quinley, Caleb. (2019). *Red or Black? Experiencing Thailand's Military Draft*. Al Jazeera News. (<https://www.aljazeera.com/news/2019/4/23/red-or-black-experiencing-thailand-military-draft>) [14Jun 2022].
- Rashed Uz Zaman & Biswas, Niloy Ranjan. (2014). Bangladesh's Participation in UN Peacekeeping Missions and Challenges for Civil-Military Relations: A Case for Concordance Theory. *International Peacekeeping*. 21 (3): 324-344. London. Taylor and Francis Group.
- Salihu, Naila. (2019). Concordance Civil-Military Relations in Ghana's Fourth Republic. *Armed Forces and Society*. 46 (4): 1-17. London. SAGE Publications.
- Samudavanija, Chai-Anan & Paribatra, Sukhumbhand. (1993). Thailand: Liberalization Without Democracy. Dlm James W. Morley (pnyt.). *Driven By Growth: Political Change in The Asia-Pacific Region*, hlmn 119-142. New York. East Gate Book - M.E. Sharpe Inc.
- Schiff, Rebecca L. (1995). Civil-Military Relations Reconsidered: A Theory of Concordance. *Armed Forces and Society*. 22 (1): 7-24. London. SAGE Publications.
- Schiff, Rebecca L. (2009). *The Military and Domestic Politics: A Concordance Theory of Civil- Military Relations*. New York. Routledge Publishing.
- Sirvunnabood, Punchada & Ricks, Jacob Isaac. (2016). Professional and Soldiers: Measuring Professionalism in Thai Military. *Pacific Affairs*. 89 (1): 7-30. Vancouver. The University of British Columbia Press.
- Sudhamani, S.R. (1978). Major Components in Thai Politics, 1958-1963. *International Studies*. 17 (2): 277-297. London. SAGE Publications.
- Teaiwa, Teresia & Nicole, Rajjeli. (2016). Articulation and Concordance: A Dialogue on Civil- Military Relations in Fiji. *The Good Society*. 25 (1): 105-118. Pennsylvania. Penn State University Press
- The Cove. (2021). #KYR: Thailand - Military. The Cove. (<https://cove.army.gov.au/article/kyr-thailand-military>)[13 Jun 2022]
- Winichakul, Thongchai. (2008). Toppling Democracy. *Journal of Contemporary Asia*. 38 (1): 11-37. London. Taylor & Francis Group.